

16 JAN 1996

Keating-Perbincangan

PERBINCANGAN MAHATHIR-KEATING MEMPERKUKUHKAN LAGI HUBUNGAN

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia Paul Keating hari ini menyatakan perbincangan beliau dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "perbincangan panjang lebar yang berguna dan berhasil".

Bercakap dalam satu persidangan berita, Keating yang berada di sini dalam hari kedua lawatan rasmi beliau ke sini, berkata beliau gembira dengan lawatannya itu dan memberitahu Dr Mahathir yang beliau berharap dapat mengadakan lawatan yang lebih menyeluruh lagi ke Malaysia pada masa depan.

Keating berkata beliau juga menjemput Dr Mahathir untuk melawat Australia.

Ditanya bagaimana hubungan masa kini antara Australia dan Malaysia khususnya dengan lawatan beliau itu, beliau berkata kedua-dua belah pihak sedang berusaha dengan lebih gigih lagi untuk memperkukuhkan hubungan.

"Kita cuba membuat bersama banyak perkara dan kehadiran saya di sini menunjukkan itulah yang saya percaya dan saya pasti itu juga yang menjadi hasrat Perdana Menteri (Dr Mahathir)," kata beliau.

Keating juga berkata tiada lagi ketegangan dalam hubungan Australia-Malaysia tetapi bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir semalam yang pertikaian pernah berlaku dalam hubungan dua hala.

Semalam, Dr Mahathir berkata dalam satu majlis makan malam yang dianjurkan untuk Keating dan rombongannya walaupun pertikaian telah berlaku ini tidak menjejaskan aspek-aspek utama hubungan dua hala itu.

Perdana Menteri Australia itu berkata pertikaian itu bukan sahaja terjadi dalam hubungan KL-Canberra tetapi juga pada hubungan Australia dengan negara-negara lain.

"Semua hubungan ada pertikaian...ia datang dan pergi," kata beliau.

Keating tidak bersetuju dengan pandangan yang menyatakan terdapatnya perbezaan pendapat antara Australia dan Malaysia yang membawa kepada pertikaian.

Sementara berkata hubungan yang sedia ada itu dianggap baik, beliau menegaskan Australia dan Malaysia memerlukan gambaran sezaman masyarakat di kedua-dua negara bagi membina hubungan yang lebih baik lagi.

Mengenai perbincangan beliau dengan Dr Mahathir, Keating berkata mereka membincangkan beberapa bidang khusus yang menggariskan hubungan kukuh KL-Canberra khususnya alam sekitar, sains, kewangan, pembinaan dan penerbangan awam.

Keating berkata beliau tidak membincangkan cadangan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan mesyuarat pertama Asia-Kesatuan Eropah (Asem) di Bangkok pada Mac dalam perbincangannya dengan Dr Mahathir.

Australia tidak akan menghadiri Asem dan dilaporkan Malaysia merupakan negara tunggal di Mesyuarat Menteri-menteri Asean di Brunei yang membantah penyertaan Australia dalam mesyuarat itu.

Keating bagaimanapun berkata, Australia akan mengikuti perkembangan mesyuarat Asem di Bangkok sebelum membuat keputusan sama ada mahu menghadiri Asem akan datang.

Ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong semalam yang menyebut Asean perlu menimbangkan kemasukan Australia dan New dijemput untuk menjadi sebahagian daripada Asean.

Beliau menegaskan Australia bukanlah negara Asean dan tidak menuntut ia sebuah negara Asia.

"Kami tidak melihat diri kita sebagai sebuah negara Asia tetapi apa yang penting ialah kita merupakan sebahagian daripada ekonomi Asia Pasifik...kita semua berada dalamnya dan kita semua dalam proses penyatuan," kata beliau.

Goh memberitahu `The Australian Financial Review' semalam yang Australia dan New Zealand mungkin satu hari nanti boleh menyertai Asean yang kini terdiri daripada tujuh negara anggota dan idea itu "boleh difikirkan" dan sesuatu yang terbuka untuk "debat". --BERNAMA